



**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-52
SECARA ATAS TALIAN**

Tarikh : 02 Disember 2021 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi
Platform : Secara atas talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting*
Kehadiran : Sepertimana di **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 52.0	<p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-52 ini.</p> <p>(b) menyarankan supaya semua penambahbaikan yang dilaksanakan dalam proses dan tatacara kerja sepanjang tempoh Pendemik Covid-19 dapat diteruskan sebagai salah satu daripada proses <i>continual quality improvement</i> (CQI) dalam pelaksanaan proses kerja peringkat peneraju dan pusat tanggungjawab di UPM.</p> <p>(c) turut meminta semua ahli untuk terus mendoakan kesejahteraan dan kesembuhan kepada semua pekerja UPM dan ahli keluarga mereka yang diuji dengan musibah penyakit, penularan wabak Covid-19 dan juga perkara lain yang tidak diinginkan.</p> <p>(d) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu:</p> <p>(i) Puan Norlida Zamberi, dilantik selaku Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU), Pejabat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) bermula pada 13 Oktober 2021;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(ii) Encik Muhamad Asyraf Arshad, dilantik selaku TWP PTJ Pusat Penyelidikan Matematik (INSPEM) bermula pada 4 Oktober 2021;</p> <p>(iii) Dr. Razali Othman, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) bermula 15 November 2021; dan</p> <p>(iv) Puan Zuraidah Ahmad, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) bermula 15 November 2021; dan</p> <p>(e) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:</p> <p>(i) Puan Askina Aziz, mantan PKPU di PSPK yang telah berkhidmat bagi tempoh 23 November 2020 hingga 03 Oktober 2021;</p> <p>(ii) Puan Nurul Hidayah Samadi, mantan TWP PTJ INSPEM yang telah berkhidmat bagi tempoh 9 Ogos 2017 hingga 3 Oktober 2021;</p> <p>(iii) Puan Zuraidah Ahmad, mantan TWP PTJ FBMK yang telah berkhidmat bagi tempoh 1 Julai 2019 hingga 14 November 2021; dan</p> <p>(iv) Encik Mohd Hairi Abd Aziz, mantan TWP PTJ FSKTM yang telah berkhidmat bagi tempoh 11 Mac 2019 hingga 19 Ogos 2021 (bersara wajib).</p>	<p>Makluman</p>
<p>Minit 52.1</p>	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-51</p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-51 yang telah diadakan pada 29 Julai 2021 disahkan dengan pindaan berikut:</p> <p><u>Minit 51.6 (b)</u>: meminda penulisan minit kepada ‘Mesyuarat turut mengambil perhatian ke atas usul PTJ CALC berkenaan keperluan memasukkan PTJ tersebut dalam Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Skop Pengajaran dan Pembelajaran berdasarkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di PTJ tersebut.’</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p>Minit 52.2</p>	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-51 seperti mana pada Lampiran Agenda 3 yang telah dibentang serta mengambil maklum berhubung perkara berikut:</p> <p>(a) <u>Minit 51.2(b) & Minit 51.10.2 (b)</u> - tiga (3) garis panduan berasaskan pengguna bagi skop pengajian prasiswazah telah dibangunkan dan sedang dalam proses <i>mapping</i> dengan dokumen SPK Prasiswazah lain yang berkaitan iaitu Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (Prasiswazah) untuk Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (Prasiswazah) untuk Pensyarah dan Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (Prasiswazah) untuk Pelajar manakala satu (1) lagi garis panduan iaitu Garis Panduan Pengajaran dan Pembelajaran (Prasiswazah) untuk Pentadbir Akademik di Fakulti sedang dalam peringkat penyediaan draf. Dokumentasi berasaskan pengguna untuk skop pengajian prasiswazah dijangka akan diguna pakai bermula Mac 2022.</p> <p>(b) <u>Minit 51.2(f)</u> - tindakan penutupan ke atas tiga (3) NCR dan tujuh (7) OFI QMS serta satu (1) NCR ISMS tahun 2020 telah/sedang diambil tindakan oleh PTJ dengan sasaran selesai sehingga hujung Disember 2021.</p> <p>(c) <u>Minit 51.5.1 (b)(v)</u> - tujuh (7) peneraju proses yang terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran /penambahbaikkan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran pelan fungsian dan aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 telah mengenalpasti tindakan berkaitan bagi memastikan sasaran 2021 adalah tercapai.</p> <p>(d) <u>Minit 51.5.1(c) (vi)</u> - sepuluh (10) peneraju proses terlibat telah/sedang melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/penambahbaikkan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 dalam memastikan sasaran tercapai pada Disember 2021.</p> <p>(e) <u>Minit 51.10.1(e)</u>- gerak kerja bagi perluasan skop Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah akan bermula pada Januari 2022 sebagaimana takwim perluasan skop ISMS yang telah disediakan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN												
<p>Minit 52.3</p>	<p>Laporan Dokumentasi (QMS & ISMS)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan dokumentasi adalah sepertimana Lampiran Agenda 4 yang dibentang merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) status pelaksanaan perubahan dokumen ISO tahun 2021;</p> <p>(ii) analisis perubahan dan pengurangan dokumen iso bagi tahun 2017 hingga 2021;</p> <p>(iii) keperluan semakan dokumen ISO belum pinda tahun 2018; dan</p> <p>(iv) pemakaian dokumen rujukan ISMS terkini.</p> <p>(b) mengambil maklum sepanjang tahun 2021, terdapat sebanyak empat (4) siri kuatkuasa dokumen iaitu pada 26 Februari 2021, 25 Jun 2021, 13 Ogos 2021 dan 29 Oktober 2021 yang melibatkan sebanyak 550 dokumen secara keseluruhan merangkumi dokumen pinda, gugur dan baharu. Pecahan dokumen terlibat dengan pindaan tahun 2021 mengikut kategori adalah seperti berikut, iaitu:</p> <table border="1" data-bbox="496 1234 1265 1621"> <thead> <tr> <th>Kategori Dokumen</th> <th>Kekerapan Pindaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Manual Kualiti</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Prosedur</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>Arahan Kerja</td> <td>68</td> </tr> <tr> <td>Garis Panduan</td> <td>112</td> </tr> <tr> <td>Dokumen Sokongan (Borang, Log, Senarai Semak dan lain-lain)</td> <td>269</td> </tr> </tbody> </table> <p>(c) mengambil maklum statistik perubahan dokumen ISO dari tahun 2017 hingga 2021 yang melibatkan sebanyak 2783 dokumen QMS dan 91 dokumen ISMS diperincikan mengikut kategori sebagaimana berikut:</p>	Kategori Dokumen	Kekerapan Pindaan	Manual Kualiti	1	Prosedur	100	Arahan Kerja	68	Garis Panduan	112	Dokumen Sokongan (Borang, Log, Senarai Semak dan lain-lain)	269	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
Kategori Dokumen	Kekerapan Pindaan													
Manual Kualiti	1													
Prosedur	100													
Arahan Kerja	68													
Garis Panduan	112													
Dokumen Sokongan (Borang, Log, Senarai Semak dan lain-lain)	269													

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																																																																																
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #c00000; color: white;"> <th colspan="5">Dokumen QMS</th> </tr> <tr> <th>Tahun</th> <th>Pinda</th> <th>Gugur</th> <th>Baharu</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>2017</td><td>302</td><td>112</td><td>44</td><td>458</td></tr> <tr><td>2018</td><td>352</td><td>181</td><td>22</td><td>555</td></tr> <tr><td>2019</td><td>558</td><td>151</td><td>48</td><td>757</td></tr> <tr><td>2020</td><td>390</td><td>97</td><td>15</td><td>502</td></tr> <tr><td>2021</td><td>411</td><td>90</td><td>10</td><td>511</td></tr> <tr style="font-weight: bold;"> <td colspan="4">Jumlah Keseluruhan</td> <td>2783</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr style="background-color: #00a0e3; color: white;"> <th colspan="5">Dokumen ISMS</th> </tr> <tr> <th>Tahun</th> <th>Pinda</th> <th>Gugur</th> <th>Baharu</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>2017</td><td>22</td><td>2</td><td>0</td><td>24</td></tr> <tr><td>2018</td><td>13</td><td>7</td><td>0</td><td>20</td></tr> <tr><td>2019</td><td>3</td><td>0</td><td>1</td><td>4</td></tr> <tr><td>2020</td><td>4</td><td>0</td><td>0</td><td>4</td></tr> <tr><td>2021</td><td>27</td><td>12</td><td>0</td><td>39</td></tr> <tr style="font-weight: bold;"> <td colspan="4">Jumlah Keseluruhan</td> <td>91</td> </tr> </tbody> </table>	Dokumen QMS					Tahun	Pinda	Gugur	Baharu	Jumlah	2017	302	112	44	458	2018	352	181	22	555	2019	558	151	48	757	2020	390	97	15	502	2021	411	90	10	511	Jumlah Keseluruhan				2783	Dokumen ISMS					Tahun	Pinda	Gugur	Baharu	Jumlah	2017	22	2	0	24	2018	13	7	0	20	2019	3	0	1	4	2020	4	0	0	4	2021	27	12	0	39	Jumlah Keseluruhan				91	
Dokumen QMS																																																																																		
Tahun	Pinda	Gugur	Baharu	Jumlah																																																																														
2017	302	112	44	458																																																																														
2018	352	181	22	555																																																																														
2019	558	151	48	757																																																																														
2020	390	97	15	502																																																																														
2021	411	90	10	511																																																																														
Jumlah Keseluruhan				2783																																																																														
Dokumen ISMS																																																																																		
Tahun	Pinda	Gugur	Baharu	Jumlah																																																																														
2017	22	2	0	24																																																																														
2018	13	7	0	20																																																																														
2019	3	0	1	4																																																																														
2020	4	0	0	4																																																																														
2021	27	12	0	39																																																																														
Jumlah Keseluruhan				91																																																																														
	<p>(d) mengambil maklum statistik pengurangan dokumen QMS dan ISMS dari tahun 2017 hingga 2021 adalah sepertimana dinyatakan dalam rajah di bawah:</p>	Makluman																																																																																
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <caption>STATISTIK PENGURANGAN DOKUMENTASI QMS</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Jumlah</th> <th>Perubahan (2017-2021)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>2017</td><td>1448</td><td></td></tr> <tr><td>2018</td><td>1288</td><td>-160</td></tr> <tr><td>2019</td><td>1185</td><td>-103</td></tr> <tr><td>2020</td><td>1131</td><td>-54</td></tr> <tr><td>2021</td><td>1052</td><td>-79</td></tr> </tbody> </table>	Tahun	Jumlah	Perubahan (2017-2021)	2017	1448		2018	1288	-160	2019	1185	-103	2020	1131	-54	2021	1052	-79																																																															
Tahun	Jumlah	Perubahan (2017-2021)																																																																																
2017	1448																																																																																	
2018	1288	-160																																																																																
2019	1185	-103																																																																																
2020	1131	-54																																																																																
2021	1052	-79																																																																																
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <caption>STATISTIK PENGURANGAN DOKUMENTASI ISMS</caption> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>Jumlah</th> <th>Perubahan (2017-2021)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>2017</td><td>51</td><td></td></tr> <tr><td>2018</td><td>44</td><td>-7</td></tr> <tr><td>2019</td><td>43</td><td>-1</td></tr> <tr><td>2020</td><td>43</td><td>0</td></tr> <tr><td>2021</td><td>31</td><td>-12</td></tr> </tbody> </table>	Tahun	Jumlah	Perubahan (2017-2021)	2017	51		2018	44	-7	2019	43	-1	2020	43	0	2021	31	-12																																																															
Tahun	Jumlah	Perubahan (2017-2021)																																																																																
2017	51																																																																																	
2018	44	-7																																																																																
2019	43	-1																																																																																
2020	43	0																																																																																
2021	31	-12																																																																																

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(e) menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua peneraju yang telah berjaya mengemaskini dokumen belum pinda iaitu sebanyak 477 dokumen tahun 2011 hingga 2015 dan 193 dokumen tahun 2016 hingga 2017 sepanjang tahun 2020 hingga 2021 bagi memastikan dokumen ISO yang digunapakai di UPM mencukupi dan relevan dengan pelaksanaan semasa.</p> <p>(f) meminta peneraju proses terlibat mengambil perhatian dan tindakan berhubung 139 dokumen ISO dengan tarikh kuatkuasa tahun 2018 yang perlu disemak, dikemaskini dan dipantau pelaksanaannya pada tahun 2022 sebagaimana dinyatakan di Lampiran B.</p> <p>(g) turut mengambil maklum berkaitan pemakaian dokumen rujukan ISMS terkini dengan tarikh kemaskini 1 Disember 2021 yang boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM melibatkan dua (2) dokumen berikut, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat; dan (ii) Dokumen Penyata Pemakaian (SoA), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat. <p>(h) mengambil maklum justifikasi perubahan dokumen rujukan ISMS adalah disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) penstrukturan semula entiti Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Pendaftar; (ii) kemaskini senarai dokumentasi ISO; dan (iii) penambahbaikan hasil Audit Dalaman Tahun 2021. 	<p>Makluman</p> <p>PKD, TWP PP (TNCAA, TNCPI, SPS, BUR, PEND, PSAS, PPPA, PKU, iDEC, PPUU)</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																																
<p data-bbox="201 241 355 277">Minit 52.4</p>	<p data-bbox="395 241 815 277">Laporan Audit (QMS & ISMS)</p> <p data-bbox="395 304 549 340">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="395 353 1262 465">(a) mengambil maklum laporan audit ISO adalah sepertimana Lampiran Agenda 5 yang dibentang yang merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="469 506 1262 573">(i) laporan penemuan Audit Dalaman Tahun 2021; dan <li data-bbox="469 595 1078 631">(ii) pelaksanaan Audit SIRIM Tahun 2021. <p data-bbox="395 685 1262 869">(b) mengambil maklum jumlah penemuan Audit Dalaman Tahun 2021 yang telah dijalankan bermula 1 April 2021 hingga 30 September 2021 di semua PTJ di UPM serta status penutupan penemuan audit sehingga 26 November 2021 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="469 896 1206 1281"> <thead> <tr> <th colspan="4" data-bbox="469 896 1206 931" style="background-color: #c00000; color: white; text-align: center;">QMS</th> </tr> <tr> <th data-bbox="469 931 660 1008">Kategori Penemuan</th> <th data-bbox="660 931 842 1008">Bil.</th> <th data-bbox="842 931 1024 1008">Tutup</th> <th data-bbox="1024 931 1206 1008">Belum Tutup</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="469 1008 660 1043">NCR</td> <td data-bbox="660 1008 842 1043">183</td> <td data-bbox="842 1008 1024 1043">32 (17%)</td> <td data-bbox="1024 1008 1206 1043">151 (83%)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="469 1043 660 1079">OFI</td> <td data-bbox="660 1043 842 1079">288</td> <td data-bbox="842 1043 1024 1079">52 (18%)</td> <td data-bbox="1024 1043 1206 1079">236 (82%)</td> </tr> <tr> <th colspan="4" data-bbox="469 1079 1206 1124" style="background-color: #00a0e3; color: white; text-align: center;">ISMS</th> </tr> <tr> <th data-bbox="469 1124 660 1200">Kategori Penemuan</th> <th data-bbox="660 1124 842 1200">Bil.</th> <th data-bbox="842 1124 1024 1200">Tutup</th> <th data-bbox="1024 1124 1206 1200">Belum Tutup</th> </tr> <tr> <td data-bbox="469 1200 660 1236">NCR</td> <td data-bbox="660 1200 842 1236">8</td> <td data-bbox="842 1200 1024 1236">3 (38%)</td> <td data-bbox="1024 1200 1206 1236">5 (62%)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="469 1236 660 1281">OFI</td> <td data-bbox="660 1236 842 1281">29</td> <td data-bbox="842 1236 1024 1281">2 (7%)</td> <td data-bbox="1024 1236 1206 1281">27 (93%)</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="395 1308 1262 1563">(c) mengambil maklum peratusan yang besar bagi NCR dan OFI yang tidak ditutup adalah disebabkan hampir 50% PTJ melaksanakan audit dalaman pada bulan terakhir iaitu September 2021 dan perkara ini mempengaruhi penetapan tarikh pelan tindakan bagi penutupan penemuan audit yang kebanyakannya belum mencapai tempoh tindakan.</p> <p data-bbox="395 1621 1262 1733">(d) mengambil maklum Panduan Penutupan Penemuan Audit Dalaman ISO UPM telah dihebahkan kepada semua PTJ melalui medium berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="469 1760 1262 1827">(i) aplikasi WhatsApp di <i>group</i> Jawatankuasa Kualiti pada 3 September 2021; dan <li data-bbox="469 1850 1262 1962">(ii) emel kepada PTJ bagi tujuan penutupan penemuan audit dalaman yang dihantar selepas berakhir audit dalaman di setiap PTJ. 	QMS				Kategori Penemuan	Bil.	Tutup	Belum Tutup	NCR	183	32 (17%)	151 (83%)	OFI	288	52 (18%)	236 (82%)	ISMS				Kategori Penemuan	Bil.	Tutup	Belum Tutup	NCR	8	3 (38%)	5 (62%)	OFI	29	2 (7%)	27 (93%)	<p data-bbox="1305 358 1469 394">Makluman</p> <p data-bbox="1305 654 1469 689">Makluman</p> <p data-bbox="1305 1290 1469 1326">Makluman</p> <p data-bbox="1305 1621 1469 1657">Makluman</p>
QMS																																		
Kategori Penemuan	Bil.	Tutup	Belum Tutup																															
NCR	183	32 (17%)	151 (83%)																															
OFI	288	52 (18%)	236 (82%)																															
ISMS																																		
Kategori Penemuan	Bil.	Tutup	Belum Tutup																															
NCR	8	3 (38%)	5 (62%)																															
OFI	29	2 (7%)	27 (93%)																															

MINIT	AGENDA	TINDAKAN						
	<p>(e) meminta PTJ yang belum menginput maklum balas pelan tindakan penemuan Audit Dalaman Tahun 2021 melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) supaya mengambil tindakan selewatnya pada 3 Disember 2021.</p> <p>(f) mengambil maklum Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS dan ISMS akan dilaksana pada 13 hingga 17 Disember 2021 melibatkan seramai 12 orang Juruaudit QMS dan dua (2) orang juruaudit ISMS. Daripada jumlah tersebut, seramai lapan (8) orang merupakan juruaudit pertama kali mengaudit di UPM. Audit kali ini akan menfokuskan kepada semakan rekod bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu bermula 2019 hingga 2021.</p> <p>(g) turut mengambil maklum sebanyak 30 PTJ terlibat sebagai PTJ sampel audit untuk QMS dan 17 PTJ dipilih sebagai sampel audit ISMS. Perincian PTJ terlibat adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="481 976 1252 1393"> <thead> <tr> <th data-bbox="481 976 673 1012">ISO</th> <th data-bbox="673 976 1252 1012">PTJ Sampel Audit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="481 1012 673 1279">QMS</td> <td data-bbox="673 1012 1252 1279">CQA, PEND, PSPK, PKU, PKPP, CEM, RMC, UCTC, PPPA, AD, BKUPM, BHEP, PSAS, PSP, BUR, FBSB, FEM, FPV, FSTM, FPSK, SPS, IBS, IPPH, ITAFoS, UPMKB (Bah. Kew, Bah. Pengurusan Akademik & Penyelidikan, FSPH), KTDI, KOSASS, K17</td> </tr> <tr> <td data-bbox="481 1279 673 1393">ISMS</td> <td data-bbox="673 1279 1252 1393">CQA, CADe, iDEC, BHEP, PPKKP, PPUU, PEND, BKAD, BUR, FP, FSKTM, FS, SPE, FKPS, KC, K14, Kolej Sri Rajang</td> </tr> </tbody> </table> <p>(h) mengambil maklum Jadual Ringkasan Pergerakan Juruaudit SIRIM QMS dan ISMS telah dihebahkan untuk rujukan semua PTJ pada 26 November 2021 melalui emel INFO@UPM.</p> <p>(i) dimaklumkan bahawa Taklimat Persediaan Audit SIRIM Tahun 2021 akan dilaksana pada 7 Disember 2021 secara maya bagi memperincikan mengenai persediaan yang perlu dilaksana oleh PTJ sebelum audit. Sehubungan itu, semua TWP PP/PTJ dan Timbalan Penyelaras Audit Dalaman PTJ sampel audit adalah dijemput untuk hadir ke sesi taklimat ini.</p>	ISO	PTJ Sampel Audit	QMS	CQA, PEND, PSPK, PKU, PKPP, CEM, RMC, UCTC, PPPA, AD, BKUPM, BHEP, PSAS, PSP, BUR, FBSB, FEM, FPV, FSTM, FPSK, SPS, IBS, IPPH, ITAFoS, UPMKB (Bah. Kew, Bah. Pengurusan Akademik & Penyelidikan, FSPH), KTDI, KOSASS, K17	ISMS	CQA, CADe, iDEC, BHEP, PPKKP, PPUU, PEND, BKAD, BUR, FP, FSKTM, FS, SPE, FKPS, KC, K14, Kolej Sri Rajang	<p>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
ISO	PTJ Sampel Audit							
QMS	CQA, PEND, PSPK, PKU, PKPP, CEM, RMC, UCTC, PPPA, AD, BKUPM, BHEP, PSAS, PSP, BUR, FBSB, FEM, FPV, FSTM, FPSK, SPS, IBS, IPPH, ITAFoS, UPMKB (Bah. Kew, Bah. Pengurusan Akademik & Penyelidikan, FSPH), KTDI, KOSASS, K17							
ISMS	CQA, CADe, iDEC, BHEP, PPKKP, PPUU, PEND, BKAD, BUR, FP, FSKTM, FS, SPE, FKPS, KC, K14, Kolej Sri Rajang							

MINIT	AGENDA	TINDAKAN										
Minit 52.5	<p>Laporan Pencapaian Objektif ISO</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tiada pelaporan bagi agenda Pencapaian Objektif ISO untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-52.</p>	Makluman										
Minit 52.6	<p>Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tiada pelaporan bagi agenda Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-52.</p>	Makluman										
Minit 52.7	<p>Laporan Penilaian Risiko ISO</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum tiada pelaporan bagi agenda Penilaian Risiko ISO untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-52.</p>	Makluman										
Minit 52.8	<p>Laporan Latihan Universiti</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Latihan Universiti sepertimana Lampiran Agenda 9 yang dibentang oleh PLS UPM merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) Struktur Pengurusan Latihan UPM adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="491 1261 1265 1731"> <thead> <tr> <th data-bbox="496 1261 675 1312">Peringkat</th> <th data-bbox="675 1261 1265 1312">Pelaksanaan Tindakan oleh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="496 1312 675 1368">1.</td> <td data-bbox="675 1312 1265 1368">Jawatankuasa Latihan Universiti</td> </tr> <tr> <td data-bbox="496 1368 675 1518">2.</td> <td data-bbox="675 1368 1265 1518">Pejabat Pendaftar (PLS, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia & Seksyen)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="496 1518 675 1668">3.</td> <td data-bbox="675 1518 1265 1668">Pelaksana Latihan (PEND, BUR, CADe, PPKKP, iDEC, PPP, Pej. TNCPI, PPPA, BKUPM, PKU, FSTM, Pej. TNCJINM, CQA.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="496 1668 675 1731">4.</td> <td data-bbox="675 1668 1265 1731">PTJ (TPLS & Pelaksana Latihan)</td> </tr> </tbody> </table> <p>(ii) sistem mata CPD latihan UPM adalah kekal 18 mata setahun bersamaan tiga (3) hari latihan yang akan menyumbang ganjaran sebanyak lima (5) markah kepada pencapaian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Staf (e-LPPT).</p>	Peringkat	Pelaksanaan Tindakan oleh	1.	Jawatankuasa Latihan Universiti	2.	Pejabat Pendaftar (PLS, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia & Seksyen)	3.	Pelaksana Latihan (PEND, BUR, CADe, PPKKP, iDEC, PPP, Pej. TNCPI, PPPA, BKUPM, PKU, FSTM, Pej. TNCJINM, CQA.	4.	PTJ (TPLS & Pelaksana Latihan)	Makluman
Peringkat	Pelaksanaan Tindakan oleh											
1.	Jawatankuasa Latihan Universiti											
2.	Pejabat Pendaftar (PLS, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia & Seksyen)											
3.	Pelaksana Latihan (PEND, BUR, CADe, PPKKP, iDEC, PPP, Pej. TNCPI, PPPA, BKUPM, PKU, FSTM, Pej. TNCJINM, CQA.											
4.	PTJ (TPLS & Pelaksana Latihan)											

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																								
	<p>(iii) status pencapaian 18 jam latihan staf Universiti Putra Malaysia (UPM) setakat 22 November 2021 adalah seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="515 376 1265 761"> <thead> <tr> <th data-bbox="515 376 603 454">Bil</th> <th data-bbox="603 376 975 454">Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan</th> <th data-bbox="975 376 1265 454">Peratus (%) & Bilangan Staf</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="515 454 603 566">1.</td> <td data-bbox="603 454 975 566">Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari)</td> <td data-bbox="975 454 1265 566">93.21% (3925 orang)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="515 566 603 678">2.</td> <td data-bbox="603 566 975 678">Pencapaian kurang 18 jam latihan (< 3 hari)</td> <td data-bbox="975 566 1265 678">6.44% (271 orang)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="515 678 603 761">3.</td> <td data-bbox="603 678 975 761">Tidak Berkursus (0 hari)</td> <td data-bbox="975 678 1265 761">0.36% (15 orang)</td> </tr> </tbody> </table> <p>(b) Mesyuarat meminta PTJ yang masih belum mencapai sasaran 100% staf hadir 18 jam latihan untuk mengambil tindakan sewajarnya sehingga akhir Disember 2021, khususnya bagi PTJ yang mempunyai rekod staf tidak berkursus.</p> <p>(c) Mesyuarat turut mengambil maklum pelaksanaan penambahbaikan penilaian keberkesanan latihan berdasarkan objektif latihan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="467 1525 1265 2049"> <thead> <tr> <th data-bbox="467 1525 555 1565">Bil</th> <th data-bbox="555 1525 794 1565">Elemen</th> <th data-bbox="794 1525 1265 1565">Keterangan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="467 1565 555 1637">1.</td> <td data-bbox="555 1565 794 1637">Objektif kursus</td> <td data-bbox="794 1565 1265 1637">Penilaian kursus tahap 1 & 2 oleh peserta kursus</td> </tr> <tr> <td data-bbox="467 1637 555 1709">2.</td> <td data-bbox="555 1637 794 1709">Objektif kursus</td> <td data-bbox="794 1637 1265 1709">Penilaian kursus tahap 3 oleh penyelia</td> </tr> <tr> <td data-bbox="467 1709 555 2049">3.</td> <td data-bbox="555 1709 794 2049">Kompetensi</td> <td data-bbox="794 1709 1265 2049">Analisis keberkesanan latihan berdasarkan objektif latihan <ul style="list-style-type: none"> - Analisis keberkesanan masih dalam perancangan untuk dilaksanakan secara terperinci berdasarkan bidang tugas tertentu contohnya kompetensi staf teknikal. </td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan	Peratus (%) & Bilangan Staf	1.	Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari)	93.21% (3925 orang)	2.	Pencapaian kurang 18 jam latihan (< 3 hari)	6.44% (271 orang)	3.	Tidak Berkursus (0 hari)	0.36% (15 orang)	Bil	Elemen	Keterangan	1.	Objektif kursus	Penilaian kursus tahap 1 & 2 oleh peserta kursus	2.	Objektif kursus	Penilaian kursus tahap 3 oleh penyelia	3.	Kompetensi	Analisis keberkesanan latihan berdasarkan objektif latihan <ul style="list-style-type: none"> - Analisis keberkesanan masih dalam perancangan untuk dilaksanakan secara terperinci berdasarkan bidang tugas tertentu contohnya kompetensi staf teknikal. 	<p>TWP PP, TWP PTJ (TN CPI termasuk RMC, PPPA, BKAD, BKU, TNC HEPA (BPP, K13), UPMKB, FBMK, FBSB, FK, FP, FPP, FPV, FRSB, FSTM, PPP, HPUPM)</p> <p>Makluman</p>
Bil	Pencapaian Jumlah Jam/ Hari Latihan	Peratus (%) & Bilangan Staf																								
1.	Pencapaian 18 jam latihan (≥ 3 hari)	93.21% (3925 orang)																								
2.	Pencapaian kurang 18 jam latihan (< 3 hari)	6.44% (271 orang)																								
3.	Tidak Berkursus (0 hari)	0.36% (15 orang)																								
Bil	Elemen	Keterangan																								
1.	Objektif kursus	Penilaian kursus tahap 1 & 2 oleh peserta kursus																								
2.	Objektif kursus	Penilaian kursus tahap 3 oleh penyelia																								
3.	Kompetensi	Analisis keberkesanan latihan berdasarkan objektif latihan <ul style="list-style-type: none"> - Analisis keberkesanan masih dalam perancangan untuk dilaksanakan secara terperinci berdasarkan bidang tugas tertentu contohnya kompetensi staf teknikal. 																								

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																																					
<p>Minit 52.9</p>	<p>(d) Mesyuarat turut mengambil maklum dan perhatian berhubung cadangan program latihan staf secara <i>micro-credential</i> yang berfokus kepada peningkatan kemahiran dan kompetensi staf dapat dilaksanakan oleh Pejabat Pendaftar serta mempertimbangkan kaedah ganjaran pengumpulan jumlah jam latihan yang boleh disetarakan untuk pemberian sijil tertentu dalam usaha membantu kemajuan kerjaya staf pada masa hadapan.</p>	<p>PLS</p>																																					
